

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN
LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN

TAJUK PROJEK : Evaluation of Fundamental Properties of Compacted Mixes Used as Patching Materials for Low Volume Roads

Saya

CHE ROS BIN ISMAIL
(HURUF BESAR)

Mengaku memberinarkan **Laporan Akhir Penyelidikan** ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Laporan Akhir Penyelidikan ini adalah hak milik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat penjualan salinan Laporan Akhir Penyelidikan ini bagi kategori TIDAK TERHAD.
4. * Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972).

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan).

TIDAK
TERHAD


TANDATANGAN KETUA PENYELIDIK

CHE ROS BIN ISMAIL

*Pensyarah
Fakulti Kejuruteraan Awam
Universiti Teknologi Malaysia*

Nama & Cop Ketua Penyelidik

Tarikh : 15hb Disember 2005

CATATAN : * Jika Laporan Akhir Penyelidikan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

**PENILAIAN SIFAT-SIFAT ASAS CAMPURAN TERPADAT YANG
DIGUNAKAN SEBAGAI BAHAN TAMPALAN BAGI JALAN BERISIPADU
RENDAH**

**(EVALUATION OF FUNDAMENTAL PROPERTIES OF COMPACTED MIXES
USED AS PATCHING MATERIALS FOR LOW VOLUME ROADS)**

Haji Che Ros Bin Ismail

**NOMBOR VOT PENYELIDIKAN:
75188**

**Jabatan Geoteknik dan Pengangkutan
Fakulti Kejuruteraan Awam
Universiti Teknologi Malaysia**

2005

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia dan kepada pihak Universiti Teknologi Malaysia sendiri kerana telah memberi peruntukan untuk menjalankan penyelidikan yang bertajuk “Penilaian Ciri-ciri Asas Campuran Terpadat yang Digunakan Sebagai Bahan Tampalan Jalan Berisipadu Rendah”. Tidak lupa juga kepada Infra Desa Johor yang telah banyak menyumbang dalam penyelidikan yang dijalankan dari segi bahan dan tenaga kerja yang diperlukan semasa kerja-kerja tapak dijalankan. Seterusnya kepada IKRAM Management Centre Sdn. Bhd. dan Selia Selenggara Sdn. Bhd. kerana telah menyumbang campuran sejuk untuk penyelidikan ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Dr. Mohd Rosli Hainin, Dr. Abdul Aziz Chik, Norkhairulnisa dan Nordila yang turut sama menjayakan projek ini juga kepada semua juruteknik makmal jalanraya yang banyak membantu sepanjang kerja-kerja makmal dijalankan dan juga kepada sesiapa sahaja yang turut terlibat secara langsung atau tidak langsung, terima kasih diucapkan dan diharap anda semua sentiasa berada di bawah lindungan-Nya.

Harapan penulis, semoga kajian yang telah dijalankan ini mendapat keberkatan dari-Nya dan memberi manfaat serta pengetahuan kepada semua. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Tampalan adalah salah satu kaedah penyelenggaraan yang dipraktik secara meluas di Malaysia terutama bagi jalan berisipadu rendah dan sederhana contohnya jalan kampung. Kaedah ini digunakan untuk membaik pulih kerosakan jalan seperti lelubang dan retak. Kegagalan turapan jalan kini menjadi beban kepada pihak yang bertanggungjawab kerana banyak wang telah dikeluarkan bagi menampal kawasan yang sama berulang kali. Tiada garis panduan yang khusus untuk kerja tampalan jalan terutama dari segi pemadatan dan campuran adalah punca kegagalan tampalan. Selain itu, pemilihan kaedah penyelenggaraan yang sesuai juga perlu dititikberatkan bagi memastikan jalan raya dapat diperbaiki dengan cara yang lebih efektif. Dalam kajian ini campuran panas dan sejuk digunakan sebagai bahan kajian. Campuran panas yang digunakan adalah ACW20 dan BMW14, manakala campuran sejuk pula ialah IKRAMIX dan SSMIX. Ujikaji makmal yang dijalankan terdiri daripada Pemadatan, Graviti Tentu Pukal, Kestabilan dan Aliran, Kebolehtelapan, Kekuatan Tegangan, Pengekstrakan Bitumen, dan Analisis Ayakan. Ujian-ujian ini dijalankan mengikut kehendak piawaian JKR/SPJ/1988. Melalui kajian ini didapati campuran panas lebih sesuai digunakan sebagai bahan tampalan jalan. Selain mempunyai nilai kebolehtelapan yang rendah dan tidak poros, ia juga mempunyai kekuatan tegangan yang tinggi.

ABSTRACT

Patching is one of the most common maintenance tasks carried out on low/medium volume roads in Malaysia. It is a technique of treating pavement distresses such as potholes and cracks. Failure of patched road is now becoming a burden to the responsible authority since a lot of money has been spent for repatching the same area of distresses. No appropriate guideline for patching works, mainly in terms of compaction effort and mixes is the reason for patching failure. Beside that, the selection of appropriate maintenance method also needs to be considered to ensure that the road can be repaired effectively. In this study, hot and cold mixes were used. The hot mixes used were ACW20 and BMW14, whilst cold mixes were IKRAMIX and SSMIX. The laboratory experiments conducted were Compaction, Bulk Specific Gravity, Stability and Flow, Permeability, Tensile Strength, Bitumen Extraction and Sieve Analysis. All tests were carried out according to standard requirement, JKR/SPJ/1988. From this study, it was found that hot mixes are most suitable to be used as road patching material. Besides having lower permeability and non-porous, they also have higher tensile strengths.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGHARGAAN	iii
	ABSTRAK	iv
	ABSTRACT	v
	KANDUNGAN	vi
	SENARAI JADUAL	ix
	SENARAI RAJAH	x
BAB I	PENGENALAN	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	2
1.3	Matlamat dan Objektif Kajian	2
1.4	Skop Kajian	3
1.5	Kepentingan Kajian	3
BAB II	KAJIAN LITERATUR	4
2.1	Pengenalan	4
2.2	Tampalan	4
2.3	Jenis-jenis Campuran Bagi Tampalan	5
2.3.1	Campuran Panas	5
2.3.2	Campuran Sejuk	7
2.4	Jenis-jenis Kerosakan Jalan Raya yang Boleh Dibaik Pulih dengan Kaedah Tampalan	8
2.5	Teknik Menampal Jalan	11

2.6	Ciri-ciri Tampalan yang Baik	14
III	METODOLOGI	15
3.1	Pengenalan	15
3.2	Pemadatan	16
3.3	Penentuan Graviti Tentu Pukal	18
3.4	Penentuan Kestabilan dan Aliran	19
3.5	Penentuan Kebolehtelapan	20
3.6	Rintangan Campuran Terhadap Kerosakan Rangsangan Lembapan	22
3.7	Ujian Kuantitatif Pengekstrakan Bitumen	23
3.8	Analisis Ayakan Aggregat yang Telah Diekstrak	25
3.9	Menjalankan Ujian Skala Penuh Di Tapak	27
3.9.1	Alat Radas/Peralatan	28
3.9.2	Bilangan Pekerja	28
3.9.3	Prosedur	28
IV	DATA DAN ANALISIS	30
4.1	Pendahuluan	30
4.2	Ujian Pemadatan	30
4.3	Penentuan Graviti Tentu Pukal, Kestabilan dan Aliran	31
4.4	Keputusan Ujian Kebolehtelapan	34
4.5	Kerosakan Rangsangan Lembapan	35
4.6	Pengekstrakan Bitumen	36
4.7	Garis Panduan Kerja Tampalan Jalan	37
4.8	Perbandingan Kos Kerja Tampalan Bagi Campuran Sejuk dan Panas	41
4.9	Analisis Data	41

V	KESIMPULAN DAN CADANGAN	43
5.1	Kesimpulan	43
5.2	Cadangan	44
RUJUKAN		46
LAMPIRAN		48

SENARAI JADUAL	m/s
Jadual 2.1 : Teknik menampal jalan	11
Jadual 4.1 : Nilai kestabilan baki bagi campuran panas	33
Jadual 4.2 : Nilai kestabilan baki bagi campuran sejuk	33
Jadual 4.3 : Nilai kestabilan baki bagi campuran sejuk yang dipanaskan pada suhu 120°C	34
Jadual 4.4 : Nilai kebolehtelapan bagi setiap campuran	34
Jadual 4.5 : Nisbah kekuatan tegangan bagi setiap jenis campuran	35
Jadual 4.6 : Analisis kandungan bitumen	36
Jadual 4.7 : Ringkasan graf bagi garis panduan tampalan	40

SENARAI RAJAH	m/s
Rajah 2.1 : Campuran sejuk (IKRAMIX)	7
Rajah 2.2 : Lelubang	8
Rajah 2.3 : Retak buaya	9
Rajah 2.4 : Pengikisan	9
Rajah 2.5 : Lekukan	10
Rajah 2.6 : Penyodokan	10
Rajah 2.7 : Perbezaan teknik penampalan yang betul dan salah	14
Rajah 3.1 : Carta aliran metodologi	16
Rajah 3.2 : Mesin pematat automatik dan jek bagi mengeluarkan spesimen	17
Rajah 3.3 : Spesimen yang telah dipadatkan	18
Rajah 3.4 : Takung air bagi merendam spesimen sebelum melakukan ujian kestabilan dan aliran	20
Rajah 3.5 : Permeameter Makmal	21
Rajah 3.6 : Alat pengekstrakan	24
Rajah 3.7 : Mangkuk pengekstrakan	25
Rajah 3.8 : Alat ayakan	26
Rajah 3.9: Ujian skala penuh di tapak	29
Rajah 4.1 : Kegagalan spesimen IKRAMIX dan SSMIX ketika proses rendaman pada suhu 60°C	32
Rajah 4.2 : Batu-batu SSMIX yang hancur setelah dipadatkan	32
Rajah 4.3 : Kekukuhan campuran sejuk yang dipadatkan pada suhu 120°C (a) berbanding dengan spesimen yang dipadatkan pada suhu bilik (b)	36
Rajah 4.4 : Analisis ayakan bagi setiap jenis sampel	37
Rajah 4.5 : Bilangan larian pematat melawan suhu bagi tahap pematatan tertentu untuk pematat plat	38
Rajah 4.6 : Bilangan larian pematat melawan suhu bagi tahap pematatan tertentu untuk pematat dram	40

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Prestasi sebatang jalan raya sentiasa dipengaruhi oleh beberapa faktor terutamanya pertambahan lalu lintas dan alam sekitar. Dengan pertambahan lalu lintas yang tinggi dari masa ke masa, jalan raya terpaksa menanggung beban yang lebih besar dan mengakibatkan berlakunya kerosakan kepada permukaan dan struktur jalan. Oleh itu, untuk memastikan jalan raya sentiasa berada dalam keadaan baik dan terpelihara, jalan haruslah diselenggarakan secara berterusan oleh pihak yang bertanggungjawab. Kelewatan dan penangguhan aktiviti penyelenggaraan akan menyebabkan kadar kerosakan meningkat dan akan melibatkan kos baik pulih yang lebih besar. Pihak yang terbabit perlu memilih kaedah penyelenggaraan yang sesuai bagi memastikan jalan raya dapat diperbaiki dengan cara yang lebih efektif.

Terdapat pelbagai teknik pemulihan turapan yang diamalkan di Malaysia antaranya kaedah penstoran semula dan penurapan semula. Tampalan merupakan kaedah penstoran semula yang paling meluas digunakan di Malaysia pada masa kini dengan cara menggantikan permukaan yang rosak dengan campuran berbitumen yang sesuai bagi mengekalkan keadaan permukaan jalan (Jabatan Kerja Raya, 1992). Memandangkan kaedah ini agak popular di Malaysia, kajian haruslah dilakukan secara

berterusan bagi memastikan kerja tampalan dan bahan yang digunakan menepati kehendak yang ditetapkan.

1.2 Pernyataan Masalah

Tampalan merupakan kaedah penyelenggaraan jalan yang agak meluas penggunaannya di Malaysia terutamanya bagi jalan berisipadu rendah dan sederhana. Bahan yang digunakan untuk kerja tampalan juga boleh didapati dengan mudah di negara ini. Namun begitu, pihak yang terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya kini menghadapi masalah yang serius akibat kegagalan yang sering berlaku pada jalan yang baru ditampal. Banyak wang telah dihabiskan dengan menampal kawasan yang sama berulang-ulang kali sedangkan jalan yang telah ditampal sepatutnya dapat bertahan lebih lama.

Tiada garis panduan yang sempurna tentang teknik penampalan dan spesifikasi bagi campuran yang digunakan menjadi salah satu sebab kerja-kerja menampal jalan dilakukan tidak sempurna. Oleh itu, garis panduan tentang kerja penampalan yang betul dan campuran yang berkualiti mestilah disediakan bagi mengelak pengaliran keluar wang yang banyak disebabkan kerja-kerja penyelenggaraan yang tidak kekal lama.

1.3 Matlamat dan Objektif Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji sifat-sifat asas campuran tampalan dan menyediakan garis panduan tampalan jalan. Dalam proses untuk mencapai matlamat ini objektif berikut perlu dicapai terlebih dahulu iaitu:

- i) menilai sifat-sifat asas campuran panas dan campuran sejuk;

- ii) membuat perbandingan kos antara penggunaan campuran panas dan campuran sejuk; dan
- iii) menghasilkan garis panduan untuk kerja tampilan jalan daripada ujian skala penuh di tapak bagi mendapatkan hubungan di antara suhu premix, jenis pematat yang digunakan, bilangan larian pematat dan tahap pemadatan premix.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini memfokus kepada jenis-jenis campuran tampilan yang terdapat di pasaran yang biasa digunakan dalam kerja-kerja tampilan jalan berisipadu sederhana dan rendah. Ujian-ujian yang berkaitan dijalankan berdasarkan parameter kajian dan spesifikasi kerja di tapak.

1.5 Kepentingan Kajian

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, kontraktor yang menjalankan kerja-kerja penyenggaraan jalan akan dapat memilih bahan yang akan digunakan berdasarkan ciri-ciri bahan dan kosnya. Sekiranya menggunakan campuran panas mereka dapat menentukan bilangan gelekan yang diperlukan untuk memastikan pematatan yang dilakukan mencapai tahap yang dikehendaki.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Apabila turapan jalan menjangkaui hayat reka bentuknya, ia akan terdedah kepada pelbagai jenis kegagalan dan kerosakan akibat beban kumulatif lalu lintas dan pelbagai faktor alam sekitar. Namun begitu, jalan raya yang baru dibina dengan baik juga boleh menghadapi masalah disebabkan faktor-faktor seperti reka bentuk turapan dan bahan yang digunakan.

Oleh itu, jalan raya hendaklah sentiasa dipantau dan diselenggara dari semasa ke semasa untuk menjamin keselesaan pemanduan dan keselamatan pengguna jalan raya. Teknik penyelenggaraan yang betul dan efektif harus dipraktikkan untuk mengekalkan ciri-ciri jalan raya yang baik.

2.2 Tampalan

Tampalan ialah kaedah di mana bahagian permukaan jalan yang rosak akan diganti dengan campuran berbitumen yang sesuai dan dipadatkan seperti keadaan asal.

Kaedah tampalan digunakan untuk membaik pulih kegagalan seperti lelubang, retak, pengikisan, kerja-kerja korekan utiliti, dan sebagainya (Roberts *et.al*, 1994).

Tampalan boleh dibahagikan kepada dua iaitu tampalan untuk sebahagian kedalaman dan tampalan keseluruhan kedalaman. Tampalan sebahagian kedalaman melibatkan pembuangan lapisan turapan lama yang rosak dan diganti dengan turapan baru manakala tampalan keseluruhan kedalaman adalah bagi kerosakan yang melibatkan lapisan bawah seperti sub tapak jalan dan subgred. Oleh itu, lapisan jalan yang rosak akan dibuang hingga ke sub tapak atau subgred dan kemudiannya diganti dengan lapisan struktur jalan yang baru (Jabatan Kerja Raya, 1992).

2.3 Jenis-jenis Campuran Bagi Tampalan

Terdapat dua jenis campuran tampalan yang digunakan di Malaysia iaitu campuran panas dan campuran sejuk. Kebiasaannya campuran panas digunakan sebagai tampalan kekal manakala campuran sejuk untuk tampalan sementara. Campuran panas boleh didapati dari kuari-kuari yang menyediakan campuran panas bagi turapan jalan raya manakala campuran sejuk boleh didapati dari firma-firma yang menghasilkannya.

2.3.1 Campuran Panas

Di Malaysia, campuran panas lebih meluas digunakan berbanding campuran sejuk untuk kerja-kerja tampalan jalan. Campuran panas terdiri daripada bahan yang lazimnya digunakan untuk pembinaan jalan raya iaitu agregat dan bitumen. Campuran panas boleh didapati di kuari-kuari berhampiran dan campuran ini biasanya dihasilkan apabila diperlukan untuk tujuan tampalan. Campuran ini akan dimuatkan ke dalam lori dan dibawa ke tapak dalam keadaan panas. Suhu campuran pula hendaklah sentiasa


dijaga supaya kerja tampalan dapat dilakukan dengan sempurna. Campuran panas digunakan untuk kerja tampalan kekal dan ia melibatkan pekerja yang agak ramai. Tidak dinafikan juga ia adalah campuran yang sesuai terutamanya untuk kerja turapan jalan baru. Ini disebabkan pengeluarannya yang lebih teratur dan terkawal di mana ia telah direka bentuk, diproses dan dikeluarkan dari sebuah loji yang serba lengkap. Dengan itu segala sifat campuran yang diperlukan dapat dipantau sepanjang proses pengeluaran.

Walaupun campuran ini banyak menyumbang kepada sifat-sifat turapan yang baik, ia juga mempunyai kelemahannya tersendiri. Antaranya ialah :

- i) memerlukan perhatian yang lebih dan teliti berbanding campuran sejuk;
- ii) memerlukan suhu campuran pada 125°C semasa dihamparkan dan 110°C semasa dipadatkan (Asphalt Institute, 1988). Masalah yang wujud adalah cara untuk mengekalkan suhu bagi campuran yang dibuat di loji yang berjauhan dari tapak bina. Walaupun dibekalkan pemanas pada campuran semasa penghantaran, namun begitu langkah ini adalah tidak efektif memandangkan tempoh perjalanan yang tidak tetap dan dikhuatir pula mutu campuran yang telah dipantau dari loji akan terjejas akibat daripada hentakan tayar di sepanjang jalan;
- iii) dari segi proses campuran panas, ia memerlukan banyak peringkat yang mana mengambil masa yang agak lama walaupun campuran yang diperlukan adalah agak sedikit; dan
- iv) pengeluaran campuran panas banyak menggunakan peralatan yang spesifik dan moden. Penggunaan alatan moden adalah antara faktor penyumbang kepada peningkatan kadar kos bagi sesuatu pengeluaran bahan turapan.

2.3.2 Campuran Sejuk

Bagi campuran sejuk pula, bitumen emulsi digunakan bagi mengganti bitumen biasa. Terdapat banyak perbezaan antara campuran sejuk dan campuran panas yang digunakan untuk menampal jalan. Campuran sejuk biasanya digunakan untuk kerja tampalan sementara atau kerja-kerja kecemasan dan kemudiannya akan digantikan dengan campuran panas untuk tampalan kekal. Campuran sejuk dikeluarkan oleh firma-firma yang menghasilkannya dan biasanya dijual di dalam beg, guni atau dram. Campuran sejuk boleh disimpan sehingga ia diperlukan untuk kerja-kerja tampalan. Biasanya, tempoh simpanan adalah antara 6-12 bulan dan tidak boleh lagi digunakan selepas beberapa tempoh waktu. Selain itu, hanya dua atau tiga pekerja sahaja yang diperlukan untuk menjalankan kerja-kerja penampalan jenis ini. Rajah 2.1 menunjukkan salah satu campuran sejuk yang terdapat di pasaran.




Rajah 2.1 : Campuran sejuk (IKRAMIX)

2.4 Jenis-jenis Kerosakan Jalan Raya Yang Boleh Di Baik Pulih dengan Kaedah Tampalan

Terdapat pelbagai jenis kerosakan atau kegagalan permukaan jalan yang memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan. Antara kegagalan jalan yang dapat dibaik pulih dengan kaedah tampalan ialah lelubang, retak, pengikisan, lekukan dan pentodokan (Jabatan Kerja Raya, 1997).

Lelubang ialah pembentukan lubang seperti mangkuk pada turapan jalan dan berpunca daripada kehilangan lapisan haus dan pengikat. Lelubang terbentuk apabila beban daripada lalu lintas memecahkan turapan dan membenarkan air memasuki turapan dan seterusnya mempercepatkan proses penyepaan (Jabatan Kerja Raya, 1992). Rajah 2.2 menunjukkan lelubang yang terbentuk pada permukaan jalan.



Rajah 2.2: Lelubang


Retak ialah rekahan yang berpunca daripada kegagalan patah pada permukaan turapan dan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk contohnya seperti Rajah 2.3. Keretakan berlaku akibat faktor-faktor seperti tekanan daripada beban gandar, perubahan suhu dalam lapisan-lapisan jalan, serta kandungan lembapan yang berlebihan. Terdapat pelbagai jenis retak contohnya retak buaya, retak memanjang, retak melintang, retak blok dan retak pantulan (Roberts *et.al*, 1994).



Rajah 2.3 : Retak buaya

Pengikisan pula ialah penyepaian permukaan turapan yang progresif melalui kehilangan pengikat (bitumen), agregat, atau kedua-duanya (Jabatan Kerja Raya, 1992). Antara faktor yang menyebabkan berlakunya pengikisan ialah:

- i) kandungan debu yang berlebihan yang menyebabkan bitumen lebih banyak menyaluti debu daripada agregat; dan
- ii) proses pemadatan lapisan permukaan asfalt yang tidak sempurna menyebabkan agregat dengan mudah tercungkil keluar daripada campuran seperti dalam Rajah 2.4.



Rajah 2.4: Pengikisan


Lekukan ialah kawasan di mana arasnya lebih rendah dari kawasan sekitarnya. Lekukan kecil hanya kelihatan apabila ia ditakungi oleh air hujan. Lekukan disebabkan oleh pengenapan subgred ataupun kerja-kerja pembinaan jalan yang kurang baik

(Jabatan Kerja Raya, 1997). Jenis kerosakan ini akan memberi kesan yang tidak selesa kepada pemanduan dan air yang sentiasa bertakung akan melemahkan turapan seterusnya membawa kepada kerosakan yang lebih besar. Rajah 2.5 menunjukkan lekukan yang berlaku pada jalan raya.



Rajah 2.5: Lekukan

Penyodokan ialah bonjolan pada permukaan jalan dan biasanya ia selari dengan arah lalu lintas atau penolakan lapisan permukaan secara mendatar dalam arah pergerakan lalu lintas (Jabatan Kerja Raya, 1992). Tindakan tolakan daripada tayar kenderaan terhadap turapan akan mengakibatkan pembentukan ombak-ombak pendek pada permukaan turapan. Penyodokan berpunca daripada ketidakstabilan campuran, kekurangan keupayaan melekat antara lapisan asfalt dengan lapisan di bawahnya dan akibat tindakan seperti membrek dan memecut pada kawasan persimpangan dan bulatan (Jabatan Kerja Raya, 1997). Rajah 2.6 menunjukkan contoh penyodokan.



Rajah 2.6: Penyodokan

2.5 Teknik Menampal Jalan


Walaupun kerja-kerja penampalan jalan tidak memerlukan jentera atau alat yang khas, namun teknik menampal jalan yang betul adalah penting bagi memastikan tampilan kekal lama. Ini kerana teknik menampal yang salah akan menyebabkan tampilan tersebut cepat mengalami kerosakan.

Teknik menampal jalan yang betul berdasarkan garis panduan yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Institut Kerja Raya Malaysia diterangkan dalam Jadual 2.1 manakala Rajah 2.7 menunjukkan perbezaan teknik penampalan yang betul dan salah.

Jadual 2.1: Proses menampal jalan (JKR dan IKRAM, 1994)

Proses tampilan	Penerangan
1. Penandaan	Sempadan kawasan yang hendak ditampal dikenal pasti hendaklah ditanda dan biasanya garisan berbentuk segi empat adalah yang paling sesuai. Semua bahagian yang rosak hendaklah berada dalam sempadan garisan.
2. Pemotongan	Kawasan yang telah ditanda hendaklah dipotong dengan kemas dan bahagian yang rosak dikeluarkan menggunakan peralatan yang sesuai.
3. Pembersihan	Permukaan kawasan yang hendak ditampal hendaklah dibersihkan, dan dipastikan agar sentiasa kering. Penggunaan vakum udara adalah dicadangkan bagi tujuan ini.
4. Penyemburan salut jelujur	Lapisan bitumen nipis hendaklah disembur dengan seragam ke atas permukaan kawasan untuk menggalakkan lekatan antara lapisan lama dan baru. Salut jelujur yang boleh digunakan sama ada bitumen <i>cutback</i> , bitumen emulsi, atau <i>resin</i> sintetik. Salut jelujur tidak perlu disembur bagi campuran sejuk kerana ia boleh melembutkan campuran tersebut.

5. Penampalan	Campuran diisi ke dalam kawasan yang telah dibersihkan dan kerja dilakukan menggunakan penyodok secara manual.
6. Pemadatan	Bahagian tengah kawasan tampalan mestilah dipadatkan terlebih dahulu diikuti bahagian pinggir. Ini untuk menambah ikatan antara sambungan di kawasan pinggir tampalan.
7. Pembersihan dan penyemakan kawasan sambungan	Pembersihan sangat penting untuk memastikan kerja tampalan yang dijalankan lebih komprehensif. Sambungan yang memisahkan bahagian tampalan yang baru dibuat dan lapisan lama hendaklah dikedap dengan bahan berbitumen yang serupa dengan bahan kedap retakan (<i>crack sealants</i>).



Rajah 2.7: Perbezaan teknik penampalan yang betul dan salah (Adaptasi daripada JKR dan IKRAM, 1994)

2.6 Ciri-ciri Tampalan Yang Baik

Kebanyakan masalah kegagalan tampalan sering dikaitkan dengan teknik penampalan yang salah atau tidak sesuai. Namun begitu, kegagalan tampalan jalan juga berpunca daripada kurangnya ciri-ciri penting yang sepatutnya terdapat dalam setiap campuran tampalan (JKR dan IKRAM, 1994). Ciri-ciri campuran tampalan yang baik adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.2 di bawah.

Jadual 2.2: Ciri-ciri campuran tampalan yang baik

Ciri-ciri	Keterangan
Kestabilan	Campuran tampalan mestilah stabil selepas proses tampalan dilakukan untuk mengelakkan daripada ubah bentuk akibat beban trafik. Campuran yang tidak stabil akan menyebabkan lekukan (<i>dishing</i>) dan penyodokan (<i>shoving</i>) pada permukaan tampalan.
Lekatan	Ciri lekatan (<i>stickiness</i>) diperlukan untuk memastikan campuran dapat melekat dengan baik dengan bahagian sisi serta di lapisan bawah tampalan.
Rintangan terhadap tindakan air	Campuran hendaklah mempunyai rintangan terhadap air agar penanggalan (<i>stripping</i>) dan pengasingan (<i>separation</i>) bitumen daripada agregat tidak berlaku.
Tahan lasak	Ketahanan akan menghalang campuran daripada hancur (<i>disintegrate</i>) akibat beban trafik yang membawa kepada berlakunya pengikisan (<i>raveling</i>).
Kebolehkerjaan yang baik	Campuran tampalan mestilah cukup lembut dan mudah dilentur (<i>pliable</i>) terutamanya pada suhu yang agak rendah. Campuran yang keras akan susah untuk dipadatkan dan ini menyebabkan ia tidak kekal lama.
Kebolehsimpanan (<i>storageability</i>)	Campuran sejuk sepatutnya boleh disimpan sehingga ia sedia untuk digunakan, biasanya antara enam hingga ke 12 bulan.

BAB III

METODOLOGI

3.1 Pengenalan


Bagi mencapai matlamat kajian, beberapa ujian dijalankan di makmal mengikut piawaian yang ditetapkan. Kajian ini dilakukan dengan menjalankan tiga ujian makmal yang memerlukan empat belas spesimen Marshall bagi melakukan ujian kestabilan dan aliran, ujian kebolehtelapan dan ujian kekuatan tegangan. Setiap ujian akan menggunakan jenis campuran yang berbeza iaitu campuran panas dan sejuk. Bagi campuran panas, ACW20 dan BMW14 digunakan yang mana kedua-duanya diambil dari loji Kuari Hanson di Kulai, Johor. Campuran sejuk diambil dari IKRAM Research Center Sdn. Bhd., Kajang, Selangor dan juga dari pembekal Selia Selenggara, Tampoi, Johor. Siri ujian yang sama akan dijalankan ke atas semua sampel bagi menentukan ciri-ciri masing-masing.

Bermula dengan ujian pemedatan, empat belas spesimen Marshall disediakan. Kesemua spesimen tersebut digunakan bagi menjalankan beberapa ujian berikut iaitu:

- (i) 6 spesimen untuk ujian kestabilan dan aliran (3 spesimen mengikut prosedur biasa dan 3 spesimen lagi akan direndam terlebih dahulu selama 48 jam);
- (ii) 2 spesimen untuk ujian kebolehtelapan; dan

- (iii) 6 spesimen terakhir untuk ujian kekuatan tegangan.

Ringkasan metodologi bagi kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 3.1 di bawah.




Rajah 3.1 : Carta aliran metodologi

3.2 Pemanasan

Sampel premix yang di ambil dari kuari akan dipanaskan pada suhu pemanasan yang diperlukan bagi menyediakan empat belas spesimen. Campuran yang telah dipanaskan dan mencapai suhu pemanasan yang diperlukan akan dimasukkan ke dalam acuan dan dipadatkan sebelum ujian-ujian seterusnya dijalankan. Ringkasan prosedur pemanasan bagi spesimen adalah seperti berikut (AASHTO T 245-82):

- i) acuan dan permukaan penukul dibersih dan panaskan sebelum acuan disapu dengan gris dan seterusnya kertas turas diletakkan ke atasnya;
- ii) campuran dimasukkan ke dalam acuan, ditusuk keliling dan tengah kemudian dipadatkan dengan 50 hentakan;

- iii) bahagian keliling campuran ditusuk sebanyak 15 kali dan bahagian tengah acuan 10 kali dengan spatula;
- iv) lakukan pemedatan dengan 50 bilangan hentakan jatuh bebas daripada tapak acuan dengan menggunakan tukul pemedat. Rajah 3.2 menunjukkan mesin pemedat automatik yang digunakan untuk memadat spesimen;
- v) seterusnya acuan diterbalikkan dan pemedatan dilakukan pada permukaan bawah. Setelah selesai, spesimen yang telah sejuk dikeluarkan dari acuan; dan
- vi) spesimen ditinggalkan semalam, kemudian ditimbang untuk dijalankan ujian seterusnya. Lampiran A menunjukkan prosedur ujian ini dijalankan.




Rajah 3.2 : Mesin pemedat automatik dan jek bagi mengeluarkan spesimen

3.3 Penentuan Graviti Tentu Pukal

Ujikaji ini dijalankan untuk menentukan nilai graviti tentu pukal bagi spesimen campuran berbitumen. Kaedah ini boleh dilakukan ke atas spesimen yang mengandungi liang atau boleh menyerap lembapan kurang dua peratus daripada isipadunya. Nilai graviti tentu pukal ini boleh digunakan untuk mengira berat tentu campuran.

Spesimen yang telah dipadatkan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.3 akan disejukkan sebelum ujian ini dijalankan. Sampel mestilah dikendalikan secara berhati-hati bagi mengelakkan perubahan rupa bentuk dan retak. Spesimen juga mesti bebas daripada bendasing seperti tanah, kertas dan logam.



Rajah 3.3: Spesimen yang telah dipadatkan

Ringkasan proses kerja untuk menentukan graviti tentu adalah seperti berikut (AASHTO T 166-83):

- i) spesimen dikeringkan pada suhu bilik dan jisim di udara ditimbang;
- ii) spesimen direndam dalam air selama 3 – 5 minit dan jisim rendaman dicatatkan;

- iii) spesimen dikeluarkan dari bekas rendaman, permukaan spesimen dikeringkan dengan tuala lembap; dan
- iv) jisim kering permukaan ditimbang. Lampiran B menunjukkan prosedur ujian ini.

Nilai graviti tentu pukal dan nilai serapan air (berdasarkan jisim) boleh didapati dengan menggunakan persamaan berikut:

$$\text{Graviti Tentu Pukal} = \frac{A}{B - C}$$

dengan:


- A = Jisim spesimen dalam udara (g)
- B = Jisim kering permukaan spesimen dalam udara (g)
- C = Jisim spesimen dalam air (g)

3.4 Penentuan Kestabilan dan Aliran

Spesimen ini akan terlebih dahulu diambil bacaan ketebalan, berat kering, berat dalam air dan berat tepu. Ia bertujuan untuk mendapatkan nilai graviti tentu spesimen sebelum ujian selanjutnya dijalankan. Kemudian, ujian kestabilan dan aliran dijalankan. Ringkasann prosedur mengenai ujian kestabilan dan aliran adalah seperti berikut (AASHTO T 245-82):

- i) spesimen direndam (Rajah 3.4) pada suhu $60^{\circ}\text{C} \pm 1^{\circ}\text{C}$ selama 30 minit hingga 40 minit;
- iii) kemudian dikeluarkan dan diletak dalam kepala alat pengujian, seterusnya dimasukkan pada alat pembebanan dan penunjuk meter kestabilan diputarkan kepada angka sifar manakala bacaan awal pada meter aliran dicatatkan;
- v) beban dikenakan ke atas sampel hingga gagal dan bacaan beban maksimum dan aliran dicatat;

- vi) beban maksimum yang mampu ditanggung oleh sampel merupakan nilai kestabilan dan bacaan pada meter aliran adalah nilai aliran yang dikehendaki dengan menolak bacaan awal sebelumnya.



Rajah 3.4: Takung air bagi merendam spesimen sebelum melakukan ujian kestabilan dan aliran


3.5 Penentuan Kebolehtelapan

Ujikaji kebolehtelapan akan dijalankan dengan menggunakan alat permeameter makmal. Alat ini direka bentuk menggunakan konsep prosedur turus menurun (ASTM PS 129-01) seperti dalam Rajah 3.5. Di dalam ujikaji ini, keempat-empat jenis spesimen iaitu ACW20, BMW14, IKRAMIX dan SSMIX akan diuji nilai kebolehtelapannya melalui air yang akan dialirkan ke atas spesimen dan seterusnya menembusi masuk ke dalamnya.

Berikut adalah prosedur bagi menjalankan ujian kebolehtelapan:

- i) semua spesimen perlu divakum terlebih dahulu;
- ii) spesimen diletakkan di atas tapak alat permeameter. Dengan menggunakan pam, vakum diaplifikasi bagi mengeluarkan udara yang terperangkap;

- iii) dengan mengawal aliran pada injap terbuka, air diisi pada paip keluar sehingga melimpah pada bahagian tirus penapak;
- iv) semua sambungan pada alat permeameter diketatkan dengan kemas. Wayar sambungan dicabut dari bahagian vakum dan disambungkan ke bahagian tekanan pula. Tekanan dipam sehingga mencapai 14 ± 1 psi;
- v) air dimasukkan ke dalam silinder sehingga aliran mula mengalir ke tiub keluar, seterusnya goncang atau ketuk sedikit alat permeameter bagi mengeluarkan rongga udara yang terperangkap di dalamnya;
- vi) injap ditutup dan air diisi ke dalam silinder sehingga melebihi tanda h1 dan air diisi sekali lagi di bahagian paip keluar sehingga melimpah;
- vii) seterusnya, injap dibuka dan masa dimulakan apabila air meniskus pada tanda h1. Air dibiarkan mengalir dan apabila air telah meniskus di h2, masa dihentikan dan injap ditutup; dan langkah (vi) – (vii) diulang bagi mendapat purata bacaan.



Rajah 3.5 : Permeameter Makmal

Setelah ujian kebolehtelapan dilakukan, nilai kebolehtelapan, k akan ditentukan dengan menggunakan persamaan di bawah:

$$k = (aL/At) \ln (h_1/h_2),$$

dengan:

- k = Pekali kebolehtelapan, cm/s;
 a = Luas tiub manometer, cm^2 ;
 L = Ketebalan spesimen, cm;
 A = Luas permukaan spesimen, cm^2 ;
 t = Purata masa aliran air di antara turus penurunan, s;
 h₁ = Bacaan turus pada masa t₁, cm; dan
 h₂ = Bacaan turus pada masa t₂, cm.

3.6 Rintangan Campuran Terhadap Kerosakan Rangsangan Lembapan

Ujian ini digunakan untuk menentukan kekuatan tegangan tidak langsung terhadap spesimen Marshall hasil daripada kesan ketepuan dan pertukaran kitaran suhu terhadap spesimen dalam makmal. Daripada keputusan yang bakal diperoleh, pengaruh jangka panjang penanggalan campuran bitumen boleh diramal. Berikut adalah prosedur yang diperlukan bagi menjalankan ujian kekuatan tegangan (AASHTO T283-85):

- i) tiga daripada spesimen campuran ujian akan diuji kering dan tiga lagi campuran akan melalui kitaran suhu. Spesimen yang kering akan disimpan pada suhu bilik sehingga diuji dan kemudiannya dibalut dengan plastik dan diletakkan dalam takung air pada suhu 25°C sekurang-kurangnya selama 2 jam;
- ii) selepas itu, spesimen diletakkan di antara dua plat bering mesin ujian dan proses pembebanan dilakukan ke atas spesimen sehingga retakan menegak berlaku, seterusnya kekuatan mampatan maksimum dicatat;
- iii) bagi tiga set yang seterusnya, spesimen perlu dimasukkan ke dalam vakum selama 5-10 minit, kemudian isipadu air yang diserap dikira bagi menentukan tahap ketepuan spesimen. Tahap ketepuan yang diperoleh perlulah dalam lingkungan 55%-80%;
- iv) selepas 16 jam, spesimen direndam pula di dalam takung air pada suhu 60°C dan kemudian selepas 24 jam semua spesimen akan melalui proses

rendaman sekali lagi selama dua jam di dalam takung air pada suhu 25°C. Prosedur berikutnya adalah sama seperti langkah-langkah spesimen yang diuji kering.

Apabila kedua-dua nilai kekuatan mampatan maksimum diperoleh, nilai nisbah kekuatan tegangan akan ditentukan melalui persamaan di bawah:

$$St = 2F / \pi LD$$


dengan :

- St = kekuatan tegangan (kPa)
- L = panjang spesimen (mm)
- D = diameter spesimen (mm)
- F = beban yang digunakan (N)

$$\text{Nisbah Kekuatan Tegangan (TSR)} = St_1 \text{ (unconditioned)} / St_2 \text{ (preconditioned)}$$

3.7 Ujian Kuantitatif Pengekstrakan Bitumen


Ujian ini dijalankan bagi menentukan kandungan bitumen bagi campuran turapan panas dan sampel daripada turapan jalan raya. Tujuan ujian ini dijalankan adalah untuk memastikan kandungan bitumen dalam sesuatu campuran berbitumen menepati kehendak minimum spesifikasi yang digunakan. Agregat yang diperolehi melalui kaedah ini pula akan digunakan untuk ujian analisis ayakan menggunakan AASHTO T 30-84.



Rajah 3.6: Alat pengekstrakan

Prosedur yang perlu bagi menjalankan pengekstrakan ialah (AASHTO T 164-86):

- i) sampel dipanaskan sehingga mencapai suhu $110 \pm 5^{\circ}\text{C}$ supaya ia lembut;
- ii) timbang berat sampel dan kertas turas dan masukkan sampel yang telah ditimbang ke dalam bekas pengekstrakan seperti Rajah 3.7;
- iii) kemudian masukkan $\pm 500\text{ml}$ bahan pelarut ke dalam bekas yang sama dan kertas turas diletakkan di bahagian atas bekas tersebut dan pasang penutupnya dengan kemas;
- iv) hidupkan suis dan biarkan sehingga bahan pelarut yang digunakan melarutkan bitumen dan mengalir keluar sepenuhnya;
- v) matikan suis langkah iii-vi diulang sekiranya masih ada kesan bitumen pada aggregat;
- vi) apabila proses pengekstrakan selesai, masukkan bahan-bahan tersebut ke dalam ketuhar pada suhu $110 \pm 5^{\circ}\text{C}$; dan
- vii) setelah dikeluarkan dan disejukkan, timbang aggregat dan kertas turas.



Rajah 3.7: Mangkuk pengekstrakan

Peratus kandungan bitumen dalam sampel premix dapat ditentukan melalui persamaan berikut:

$$\text{Peratus kandungan bitumen} = \frac{(A - C) + (D - B)}{A} \times 100\%$$

dengan:

- A = Jisim asal premix (g)
- B = Jisim kertas turas sebelum pengekstrakan (g)
- C = Jisim aggregat selepas pengekstrakan (g)
- D = Jisim kertas turas selepas pengekstrakan (g)


3.8 Analisis Ayakan Aggregat Yang Telah Diekstrak

Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan nilai penggredan aggregat yang diekstrak dari campuran bitumen. Keputusan ujian yang diperolehi akan digunakan untuk menentukan pengagihan saiz aggregat yang telah diekstrak samada memenuhi spesifikasi yang diperlukan dan juga untuk menyediakan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk mengawal pengeluaran saiz aggregat yang akan digunakan dalam

campuran bitumen. Sampel ujikaji pula hendaklah mengandungi keseluruhan sampel agregat yang telah diekstrak berdasarkan AASTHO T 164, Ujian Perjumlahan Agregat Terekstrak daripada campuran turapan bitumen.

Antara prosedur yang diperlukan adalah seperti berikut (AASHTO T 30-84):

- i) keringkan sampel pada suhu $110^{\circ} \pm 5^{\circ}\text{C}$ dan timbang jisim sampel, kemudian susun alat ayakan mengikut saiz yang diperlukan seperti Rajah 3.8 dan masukkan aggregat;
- ii) hidupkan suis penggetar dan biarkan aggregat diayak sepenuhnya; dan
- iii) setelah selesai proses ayakan, timbang dan catat jisim aggregat yang tertahan pada setiap saiz ayak;



Rajah 3.8: Alat ayakan

Langkah pengiraan yang diperlukan adalah seperti berikut:

- i) peratus aggregat yang melepassi setiap saiz ayakan ditentukan (kepada 0.1 peratus terhampir);

- ii) graf peratus aggregat melepas setiap saiz melawan saiz ayakan diplot bersama-sama had penggredan seperti dalam Spesifikasi; dan
- ii) tentukan sama ada taburan saiz aggregat dalam campuran tersebut mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

3.9 Menjalankan Ujian Skala Penuh Di Tapak

Ujian skala penuh di tapak ini dijalankan untuk mendapatkan garis panduan tentang bilangan larian pemadat (*roller passes*) yang diperlukan untuk suhu campuran tertentu bagi menghasilkan tahap pemadatan yang dikehendaki agar jalan yang telah ditampal dapat bertahan lebih lama. Bagi ujian ini, julat suhu yang akan digunakan dianggarkan melalui pemerhatian yang telah dibuat semasa kerja-kerja menampal jalan dilakukan di tapak.

Untuk ujian ini, satu kawasan jalan yang rosak akan ditampal dan dipadatkan pada suhu-suhu tertentu dengan menggunakan jumlah larian pemadat yang berbeza-beza. Ini kerana, seperti yang diterangkan sebelum ini, bagi campuran panas, kerja menampal beberapa kawasan kerosakan akan dilakukan dengan menggunakan campuran yang sama dan biasanya campuran ini akan menjadi semakin sejuk apabila sampai kepada kerja-kerja penampalan yang seterusnya.

Jadi, ujian ini akan dijalankan untuk mengenal pasti sama ada tahap pemadatan yang diperlukan akan dicapai sekiranya jumlah larian pemadat ditambahkan bagi suhu campuran yang lebih rendah. Bagi setiap suhu pemadatan, beberapa bilangan larian pemadat akan dilakukan dan tahap pemadatan akan dikenal pasti. Dengan itu, jumlah larian pemadat yang diperlukan untuk mendapat tahap pemadatan yang dikehendaki bagi setiap julat suhu akan dicapai. Prosedur ringkas ujian ini akan diterangkan pada seksyen yang berikutnya.

3.9.1 Alat Radas/Peralatan


- i) Termometer;
- ii) Pemadat plat (*Plate Compactor*) seperti dalam Rajah 3.2;
- iii) Pemadat dram (*Drum Compactor*) seperti dalam Rajah 3.3;
- iv) Premix;
- v) Bitumen emulsi untuk salut perdana; dan
- vi) Peralatan merata dan membersih.

3.9.2 Bilangan Pekerja

Lebih kurang lima orang pekerja diperlukan untuk ujian ini. Dua orang pekerja diperlukan untuk meratakan premix, dua orang lagi untuk memadatkan premix dan seorang untuk memeriksa suhu.

3.9.3 Prosedur

- i) Jalan akan dikorek sepanjang beberapa meter dan dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti contoh yang ditunjukkan dalam Rajah 3.4 di bawah.
- ii) Kerja pemadatan akan dilakukan serentak untuk bahagian A dan B. Namun bagi bahagian A, pemadatan dilakukan menggunakan pemadat dram manakala untuk bahagian B pemadat plat akan digunakan.
- iii) Kerja pemadatan akan dilakukan serentak untuk bahagian A dan B. Namun bagi bahagian A, pemadatan dilakukan menggunakan pemadat dram manakala untuk bahagian B pemadat plat akan digunakan.



Rajah 3.9: Ujian skala penuh di tapak

- ii) Kerja pematatan akan dilakukan serentak untuk bahagian A dan B. Namun bagi bahagian A, pematatan dilakukan menggunakan pematat dram manakala untuk bahagian B pematat plat akan digunakan.
- iii) Pada suhu premix tertentu contohnya T_a , beberapa set larian pematat akan dilakukan untuk kerja pematatan iaitu P_3, P_4 , dan P_5 .
- iv) Langkah di atas akan diulang untuk suhu premix T_b hingga seterusnya, T_n , (mengikut suhu yang telah ditetapkan) dengan larian pematat akan ditambah mengikut bilangan yang dikehendaki.
- v) Setelah kerja tampalan selesai, sampel premix akan dibawa balik pada kuantiti yang secukupnya untuk diuji di makmal.
- vi) Selepas 24 jam, semua bahagian tampalan akan ditebus (*core*) di beberapa tempat untuk diuji ketumpatannya di makmal.

Data daripada ujian makmal akan dianalisis untuk mendapatkan garis panduan tampalan yang dikehendaki.

BAB IV

DATA DAN ANALISIS

4.1 Pendahuluan

Dalam menentukan sifat-sifat asas campuran tampalan pada jalan yang berisipadu rendah dan sederhana, beberapa ujian perlu dilaksanakan. Nilai-nilai yang diperoleh hasil daripada ujian-ujian ini diguna bagi menentukan samada campuran sejuk atau campuran panas yang akan menyumbang hasil yang terbaik dalam tampilan jalan. Antara ujian-ujian tersebut ialah pemadatan, penentuan graviti tentu, kestabilan dan aliran, kebolehtelapan dan kekuatan tegangan. Oleh yang demikian, dalam bab ini akan dinyatakan nilai-nilai yang diperoleh hasil daripada ujian-ujian yang telah dijalankan serta analisis bagi keputusan tersebut.

4.2 Pemadatan


Proses pemadatan dijalankan dengan menggunakan pemadat automatik untuk menghasilkan empat belas spesimen Marshall bagi setiap jenis campuran iaitu ACW20, BMW14, IKRAMIX dan SSMIX (Selia Selenggara Mix).

4.3 Penentuan Graviti Tentu Pukal, Kestabilan dan Aliran


Bagi memulakan ujian kestabilan dan aliran, nilai graviti tentu pukal bagi setiap spesimen perlu diperoleh terlebih dahulu. Dalam ujian ini, tiga spesimen diuji mengikut prosedur biasa manakala tiga spesimen lagi direndam terlebih dahulu selama 48 jam.

Pada peringkat ini, semua ujian kestabilan dan aliran untuk campuran panas berjalan dengan lancar, tetapi bagi campuran sejuk terdapat sedikit kesulitan yang dihadapi yang mana spesimen langsung tidak menunjukkan ciri-ciri kekuatan yang perlu ada dalam campuran turapan. Hal ini terbukti apabila ujian kestabilan mengikut prosedur rendaman dijalankan, didapati spesimen yang dimasukkan dalam takung air pada suhu 60°C telah pecah dan hancur di dalamnya. Rajah 4.1 menunjukkan kegagalan kedua-dua jenis spesimen campuran sejuk di dalam takung air ketika direndam pada suhu 60°C. Hasil daripada kegagalan tersebut, satu inisiatif telah diambil bagi meneruskan ujian iaitu dengan memanaskan spesimen yang baru ke dalam ketuhar pada suhu 60°C juga. Namun begitu, nilai yang diperoleh tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.

